



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 6 OGOS 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HPPNK 2025 TARIK GOLONGAN MUDA, NASIONAL, SINAR HARIAN – 11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	HARGA TELUR AYAM MASIH KEKAL STABIL, LOKAL, HARIAN METRO – 19	
3.	HARGA TELUR MASIH TERKAWAL, BEKALAN MENCUKUPI, NATIONAL, BERITA HARIAN – 15	
4.	KEDAH PADI FARMERS FEEL THE HEAT AS HARVEST NEARS, NATION, THE STAR – 12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	GUDANG TIMBAL HARGA PASARAN, EKONOMI, SINAR HARIAN – 21	
6.	MASALAH LALAT AYER KUNING BERPUNCA BAJA TAHI AYAM, NEGARA, KOSMO – 14	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
7.	TASIK BUKIT MERAH MASIH KERING, NEGARA, KOSMO – 12	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

HPPNK 2025 tarik golongan muda



Mahfuz (tengah) bersama para pemenang Mobile Legends NAFAS-NEKMAT yang membawa pulang hadiah wang tunai terkumpul bernilai RM10,000.



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (kiri) melihat peserta Mobile Legends NAFAS-NEKMAT di Segmen Agro Millenia.

Mobile Legends jadi tumpuan, NAFAS perluas jaringan agromakanan

Oleh ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN
SHAH ALAM

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2025 yang berlangsung selama tiga hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Sabah pada 1 hingga 3 ogos baru-baru ini mencatat sambutan luar biasa.

Lebih-lebih lagi, rekod kehadiran pengunjung muda yang memeriahkan reruai e-sukan di segmen Agro Millenia yang diuruskan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang mencecah hingga 5,000 pengunjung.

Menurut Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Ariffin, tarikan seperti aktiviti dan interaktif, cabutan bertuah serta suasana moden dengan elemen visual di skrin LED bersaiz besar menjadikan ruang e-sukan menjadi tarikan utama kepada pengunjung muda sepanjang tiga hari HPPNK 2025.

"Antara hadiah yang disediakan termasuk motosikal, skuter elektrik, wafer syiling emas dan jam tangan. Kami juga adakan jualan *Happy Hour* dengan hadiah patung Cabybara eksklusif untuk pembeli minuman jenama Peladang di reruai NAFAS," katanya menerusi satu kenyataan.

Tambah beliau, NAFAS memberi fokus kepada pendekatan pameran interaktif dan pengisian yang mendekatkan anak muda dengan sektor agromakanan melalui pertandingan Mobile Legends, permainan realiti maya (VR), *PlayStation 5* (PS5), arked dan kuiz digital *Kahoot*.

Melihat kepada sambutan positif pada HPPNK 2023 di Perak, NAFAS sekali lagi meneruskan kolaborasi strategik bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) di segmen ini dengan menambah variasi permainan yang terbukti berjaya menarik sambutan pengunjung di Sabah.

Kukuhkan Baja Super Peladang

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan bahawa NAFAS berjaya mencatat kutipan jualan produk jenama Peladang yang merangkumi baja, input pertanian dan minuman jenama Peladang yang mencecah RM80,000 sepanjang tempoh penganjuran.

"NAFAS memperkenalkan varian dan wajah baharu Baja Super Peladang pada HPPNK 2025 dan selepas pelancaran, produk ini terus mendapat sambutan memberangsangkan dengan peningkatan tempahan daripada pengguna," jelasnya.

Pelancaran produk baharu itu disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar yang memuji usaha NAFAS memperkenalkan inovasi baja kompak selari dengan keperluan pasaran semasa.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif NAFAS Bajakimia Sdn Bhd (NBKSB), Zulfudin Md Arshad, antara varian baharu ialah Super Ultra K berasaskan *mono ammonium phosphate* (MAP) serta Super

45D dan Super 16 berasaskan *sulphate of potash* (SOP) yang disasarkan untuk tanaman memerlukan kawalan klorin.

"Ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh jenama Baja Super Peladang sebagai produk tempatan berkualiti tinggi yang diyakini para petani di seluruh negara.

"Ia juga mencerminkan komitmen NAFAS dalam menghasilkan produk tempatan berkualiti tinggi dan meningkatkan profesionalisme dalam sektor pertanian," ujarnya.

OD Esports juara e-sukan

NAFAS yang merupakan antara penaja utama edisi ke-50 HPPNK dan penglibatannya kali ini menyaksikan pendekatan menyeluruh merangkumi pembangunan industri, penglibatan anak muda dan pengukuhan jaringan strategik khususnya di Sabah.

Acara Mobile Legends NAFAS-NEKMAT turut menjadi tumpuan apabila pasukan OD Esports dari Papar muncul juara sekali gus menewaskan 42 pasukan lain dan membawa pulang wang tunai RM4,000, piala serta sijil.

Naib juara dirangkul pasukan Sonic The Hedgehog dari Kota Kinabalu dengan hadiah RM2,000, manakala Stark Origin dan Sonic Esports X masing-masing meraih tempat ketiga dan keempat.

Peserta OD Esports, Adrian Adlie Ku, 21, berkata, kejohanan tersebut memberi ruang kepada anak muda Sabah

menyerlahkan bakat dan memupuk semangat pasukan.

"E-sukan dapat memberi manfaat kepada saya dan empat rakan. Kami kenal antara satu sama lain menerusi permainan *Mobile Legends* sebelum ini dan mula menjadi satu pasukan sejak tahun lalu.

"Dengan penyertaan ramai anak muda dalam kejohanan besar seperti ini, kami dapat berkongsi pengalaman dan teknik bermain supaya menjadi lebih mahir," kongsinya.

Pengurus pasukan Sonic The Hedgehog, Daniel France, 32, pula berharap, penganjuran e-sukan dapat diteruskan dan diperluas bagi membina bakat muda dalam industri digital Sabah.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup

berkata, acara e-sukan bukan sekadar hiburan, tetapi satu cara untuk merapatkan anak muda dengan sektor pertanian melalui pendekatan yang segar dan inklusif.

"Sambutan yang diterima juga amat menggalakkan dengan penglibatan aktif peserta muda dari pelbagai daerah di negeri Sabah," katanya ketika melancarkan Esports 2.0 NAFAS-NEKMAT.

Menurutnya, selain e-sukan, segmen Agro Millenia turut menawarkan pelbagai pameran teknologi terkini dan ruang interaktif yang memberi peluang kepada golongan muda untuk lebih memahami potensi dalam bidang agromakanan.

“

Acara e-sukan bukan sekadar hiburan, tetapi satu cara untuk merapatkan anak muda dengan sektor pertanian melalui pendekatan yang segar dan inklusif.”

- Arthur



Arthur (duduk) mencuba permainan PS5 selepas merasmikan kejohanan e-sukan.



Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Isham Ishak mengadakan lawatan ke reruai jentera NAFAS di Laman Automasi dan Mekanisasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	19



IRFAN Diazam menjual pelbagai juadah sarapan termasuk nasi lemak di Johor Bahru, Johor.

Harga telur ayam masih **kekalkan** stabil

Tiada perubahan besar walaupun subsidi tamat 1 Ogos lalu

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Walaupun subsidi telur ayam ditamatkan sejak 1 Ogos lalu, tinjauan di beberapa kedai makan dan warung sekitar bandar raya ini mendapati harga bekalan itu masih kekal pada paras dianggap mampu beli oleh kebanyakan peniaga makanan.

Peniaga makanan, Irfan Diazam Yusof, 44 berkata, dia menggunakan 10 papan telur ayam gred B dalam tempoh seminggu untuk berniaga nasi lemak serta bihun goreng dan membelinya pada harga RM12 sepapan pada ming-

gu lalu.

"Setakat ini bekalan telur mudah dicari, harga pun tak banyak berubah. Kalau tidak silap, dua bulan lalu pernah harga telur gred B RM10.80 sepapan, tapi minggu lepas beli harga RM12.

"Kami peniaga berharap sangat harga telur tak naik. Kalau ada kenaikan, mungkin saya kena kurangkan kuantiti dulu, ambil separuh (telur ayam) daripada biasa. Tapi, setakat ini masih sama, semua gred mudah dicari," katanya yang berniaga di Flat Tasek Pandan di sini, semalam.

Sementara itu, peniaga

sarapan pagi, Khatijah Ali, 45 berkata, dia tidak menyedari subsidi telur ayam sudah ditamatkan kerana barangan itu dibeli pada harga biasa.

Katanya, harga sepapan telur ayam gred B sekitar RM10.90 hingga RM12 masih munasabah walaupun tanpa subsidi, asalkan kualitinya kekal baik dan bekalan mudah dicari.

"Kita pernah berdepan krisis 'kehilangan' telur ayam tiga tahun lalu. Ketika itu harga sepapan telur ayam mencecah RM18, memang menyusahkan, bukan sahaja isi

rumah, tetapi peniaga yang tersepit dengan kos.

"Saya beli telur ayam setiap hari sekitar tujuh papan untuk bahan asas masakan dan roti canai. Harapnya tiada lonjakan harga mendadak dalam masa terdekat, demi kelangsungan perniagaan dan harga makanan kekal berpatutan untuk pelanggan," katanya.

Khatijah memberitahu ayam juga masih dibelinya pada harga di bawah RM9 sekilogram, selain mencadangkan agar pemantauan harga bahan mentah lain turut diberi perhatian seperti halia dan cili kering yang kerap berubah harga.

"Halia minggu lalu sampai RM17 sekilo, minggu ini turun RM8, serai pun lebih kurang sama," katanya.

“Setakat ini bekalan telur mudah dicari, harga pun tak banyak berubah”
Irfan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/8/2025	BERITA HARIAN	NATIONAL	15

Subsidi telur ditamatkan

Harga telur masih terkawal, bekalan mencukupi

Johor Bahru: Walaupun subsidi telur ditamatkan kerajaan bermula 1 Ogos lalu, tinjauan di beberapa kedai makan dan warung sekitar bandar raya ini mendapati harga telur ayam masih kekal pada paras yang dianggap mampu milik oleh kebanyakan peniaga makanan.

Rata-rata mereka berharap harga bahan mentah itu tidak mengalami kenaikan mendadak selepas subsidi ditamatkan.

Peniaga makanan, Irfan Diazam Yusof, 44, berkata dia menggunakan 10 papan telur ayam gred B dalam tempoh seminggu untuk berniaga nasi lemak dan bihun goreng.

Katanya, minggu lalu harga telur ayam gred sama dibeli dengan harga RM12 sepapan.

"Telur antara bahan utama saya gunakan setiap hari dalam menu nasi lemak. Biasanya saya beli secara mingguan dengan kuantiti 10 papan.

"Setakat ini, bekalan telur mudah dicari, harga pun tak banyak berubah. Kalau tidak silap, dua bulan lalu pernah harga telur gred B RM10.80 sepapan. Tapi minggu lalu berharga RM12.

"Kami peniaga berharap sangat harga telur tak naik. Kalau ada kenaikan, mungkin saya kena kurangkan kuantiti dulu, ambil separuh (telur ayam) berban-



Irfan Diazam ketika ditemui di gerainya di Flat Tasek Pandan, Johor Bahru. (Foto Omar Ahmad/BH)

ding biasa. Tapi setakat ini, masih sama, semua gred mudah dicari," katanya ditemui di premis berniaga di Flat Tasek Pandan di sini, semalam.

Tak sedar subsidi tamat

Peniaga, Khatijah Ali, 45 berkata dia tidak menyedari subsidi telur ayam ditamatkan pada 1 Ogos lalu kerana harga bahan mentah itu masih mampu dibeli.

Katanya, harga sepapan telur ayam gred B sekitar RM10.90 hingga RM12 masih munasabah walaupun tanpa subsidi, asalkan kualitinya kekal baik dan beka-

lan mudah dicari.

"Kita pernah berdepan krisis 'kehilangan' telur ayam tiga tahun lalu. Ketika itu harga sepapan telur ayam mencecah RM18, memang menyusahkan isi rumah dan peniaga tersepit dengan kos.

"Saya beli telur ayam setiap hari sekitar tujuh papan untuk kegunaan bahan masakan dan roti canai.

"Kami berharap tiada lonjakan harga mendadak pada masa terdekat, demi memastikan kelangsungan perniagaan dan harga makanan kekal berpatutan un-



Peniaga roti canai memerlukan sehingga tujuh papan telur ayam sehari sebagai bahan masakan.

tuk pelanggan.

"Kalau harga telur ayam lebih daripada RM12 mungkin susah sikit. Tapi setakat ini harga masih mampu dibeli.

"Harga ayam mentah juga semakin stabil biarpun subsidi ditamatkan, ketika ini harga ayam masih bawah RM9 sekilogram (kg)," katanya.

Beliau mencadangkan pementauan harga bahan mentah lain turut diberi perhatian, memandangkan harga seperti halia dan cili kering kerap berubah.

"Halia minggu lalu cecah RM17 sekilo, minggu ini sudah turun

RM8, serai pun lebih kurang sama," katanya.

Pada 30 April lalu, kerajaan memutuskan untuk menamatkan sepenuhnya pemberian subsidi bagi telur ayam bermula 1 Ogos tahun ini.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan dilapor memaklumkan, keputusan ini dibuat setelah mengambil kira komitmen pihak industri untuk memastikan pengeluaran telur ayam kekal mencukupi dan terjamin, berikutan kos pengeluaran yang telah stabil.

Kedah padi farmers feel the heat as harvest nears

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: Abdul Salim Mohamad looked out at his Sha padi field with a worried look on his face.

The 70-year-old's padi stalks were turning golden, getting ready for harvesting. But it was not good news.

Instead, the fields are drying out faster than expected.

"We are supposed to harvest in about a month. But the soil could crack before we do so," said Abdul Salim, who is hoping that rain will fall over his field in Kampung Dulang Besar in Yan by next week.

The current dry spell is helping padi farmers dry out their fields for harvesting but it could also stunt crop growth and reduce yields.

Pest infestations and crop diseases are also prevalent in very dry conditions.

Tens of thousands of hectares of padi fields are already turning golden and should be ready for harvesting in a month, with the next planting season to come at

the end of September.

Wahab Ayub, 70, said farmers can manage short periods of heat, but prolonged exposure is a threat to both their health and crops.

"I have to rest at noon when the sun is at its peak, then continue working until about 3pm," said Wahab, who has been farming since his teens.

He said most farmers limit their time outdoors nowadays, only visiting the fields occasionally to monitor crop growth.

"Rats and brown planthoppers are a problem now. The hoppers breed fast when it's hot and humid," he said.

Zainol Hussein, 76, from the Kedah Padi Farmers Federation (Terai division), said most crops are now bearing grain.

"But water sources are drying up. The younger plants still need water to grow well," he added.

Zainol said rain is expected soon, but if dry conditions persist, the Muda Agricultural Development Authority (Mada) and the Area Farmers Organisation (PPK) will help.

He said field monitoring would be stepped up, and farmers must



Green horizons: An aerial view of padi fields near Alor Setar as the time for harvesting nears. — Pic courtesy of Abdul Salim

continue pest control and other crop protection measures during this critical stage.

In June, Mada said it was fully prepared for the south-west monsoon, which is expected to bring hot, dry weather this month.

It also advised farmers to follow the planting calendar closely.

As of Tuesday, the three Mada-supervised reservoirs held a combined 640,069 acre-feet of water — 52.34% of total capacity.

Pedu Dam stood at 467,125 acre-feet (53.39%), Muda Dam at 42,300 (33.84%) and Ahning Dam

at 130,644 (58.58%).

One acre-foot equals the volume of an eight-lane, 25m-long, 3m-deep swimming pool.

State agriculture committee chairman Dzowahir Ab Ghani reminded farmers to stick to Mada's advised schedules.

Dzowahir said he had been holding roadshows since last year, including informal sessions with farmers to discuss concerns and get updates.

"So far, feedback from state and federal agencies has been very positive," he said.

6/8/2025

SINAR
HARIAN

EKONOMI

21

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

Foto REMY ARIFIN & NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Selangor membangunkan Gudang Makanan Selangor (GMS) bagi memastikan rantaian bekalan utama menepati keperluan penduduk meskipun berlaku kejadian luar jangka khususnya bencana.

Dilancarkan Mac lalu, gudang tersebut pada masa ini menampung keperluan makanan ruji iaitu beras selain sumber protein penting seperti daging, ayam dan ikan.

Sebanyak 5,000 tan beras dan 1,000 tan daging sejuk beku disimpan di sebuah syarikat di Pelabuhan Klang yang berupaya menampung keperluan sekitar 20 peratus penduduk.

"Paling tidak, rakyat mempunyai stok selama tiga bulan untuk bertahan. Dalam waktu tertentu, boleh menjadi penimbal kepada harga pasaran supaya harga sentiasa berpatutan kepada rakyat," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Bukan hanya bencana, gudang tersebut juga berperanan mendepani isu ketidakpastian ekonomi dunia termasuk perang dagang dan perubahan cuaca mendadak yang kian kerap kebelakangan ini.

"Kita hendak pastikan dalam apa jua keadaan sekali pun, rakyat dapat keperluan makanan asasi. Untuk permulaan, kita sasar kepada sumber karbohidrat (beras) dan protein (daging dan ikan).

"Kita tidak boleh ramal bencana apa akan berlaku," kata EXCO Pertanian Ir Izham Hashim kepada Media Selangor merujuk penularan Covid-19 hingga mencetuskan pandemik pada 2020.

Sebelum ini, perang tarif menimbulkan kebimbangan dunia mengenai masa depan urusan dagang antara negara.

Simpanan bekalan dalam gudang tersebut yang dibangunkan hasil peruntukan RM10 juta juga membantu menstabilkan harga pasaran. Tidak berlaku lonjakan harga apabila ada musibah.

Barangan dibawa keluar jika berlaku kekurangan bekalan dalam pasaran yang boleh mengakibatkan harga melambung.

Sebaliknya, lebihan hasil pertanian disimpan bagi mengelakkan harga menjunjam hingga menjejaskan pendapatan petani.

Sebelum pandemik dan diburukkan lagi penularan Covid-19, masalah lambakan hasil tani agak ketara tanpa penyelesaian tuntas walau pelbagai usaha digerakkan.

Semasa pandemik, pergerakan pembeli terhad dek pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Bagi memastikan proses simpanan dan agihan cekap lagi sistematis, penggunaan teknologi pintar diguna pakai menerusi jalinan kerjasama dengan sektor swasta.

Proses simpanan menggunakan sistem 'First In, First Out' iaitu produk yang masuk terlebih dahulu dikeluarkan lebih awal bagi mengelakkan pembaziran atau kerosakan stok.

"Kalau kita keluarkan 500 kilogram (kg) beras, kita gantikan beras baharu dengan kuantiti sama. Sistem ini akan jamin bekalan supaya sentiasa ada," kata Ir Izham.



Amirudin Shari melawat Gudang Makanan Selangor (GMS) selepas majlis pelancaran di Tiong Nam Logistik, Pelabuhan Klang, Klang pada 22 Mac 2025

Gudang timbal harga pasaran

Jualan murah

Tidak timbul isu barangan terlalu lama terperam dalam gudang. Ini kerana proses pengeluaran berlangsung pada saban minggu untuk kegunaan dalam program Jualan Ehsan Rahmah (JER) dan Ehsan Mart.

Dengan bekalan yang ada di gudang, program jualan murah itu juga terjamin pada masa depan. Langkah tersebut memanfaatkan penduduk dari aspek ekonomi termasuk meringankan kos sara hidup mereka.

"Kita perlukan JER untuk pastikan bekalan GMS sentiasa elok," kata Izham lagi sambil menjelaskan program itu berlangsung menggunakan subsidi negeri.

Barangan ditawarkan antaranya ayam seekor pada harga RM12, daging pejal (RM10 sepaket), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 sepaket), minyak masak dua kg (RM10) serta beras lima kg (RM13).

Diperkenal sejak 2022, JER diteruskan lagi pada tahun ini meliputi lebih 1,700 lokasi termasuk jualan bebas musim perayaan.

Setakat September tahun lalu, lebih 4,000 lokasi dikunjungi orang ramai dengan subsidi RM58.7 juta ditampung pentadbiran.

Tidak hairanlah harga jualan dalam JER kira-kira 30 peratus lebih rendah dari pasaran. Mekanisme itu menguntungkan semua pihak.

Petani tidak berdepan risiko harga menjunam. Pengguna khususnya golongan berpendapatan rendah pula menikmati harga murah.

Belanjawan Selangor 2025 memperuntuk RM30 juta kepada JER disusuli pembukaan 10 premis Ehsan Mart menjelang hujung tahun yang akan menawarkan barangan pada harga 10 hingga 15 peratus lebih murah daripada pasaran.

Setakat ini, Ehsan Mart beroperasi di Sungai Tua dan Pandan Indah manakala

cawangan baharu di Hulu Kelang. Kerajaan Negeri menasarkankan pembukaan pasar raya itu meliputi 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) menjelang 2027.

GMS menjadi premis simpanan bekalan pertama seumpamanya di negara ini, sekali gus mengurangkan kos sara hidup rakyat berikutan kenaikan harga sukar dielak dan kerap berlaku.

Untuk aspek keselamatan pula, gudang itu didaftarkan bawah Agensi Pengurusan Bencana Negeri selain polis serta tentera. PKPS turut membuat pemantauan berkala untuk menjamin mutu bekalan termasuk kesesuaian suhu.

Jangka panjang

Untuk jangka panjang, gudang berkenaan menjadi wadah simpanan makanan dalam kuantiti besar, tidak hanya tertumpu kepada karbohidrat dan sumber protein semata-mata.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang bertanggungjawab dalam memenuhi sumber bekalan makanan negeri giat meneroka bidang baharu termasuk penternakan dan penanaman.

Justeru, tanaman padi seluas 15 ekar dijalankan di Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Barat Laut Selangor selain penggunaan tanah di Selangor Fruit Valley (SFV) di Rawang.

PKPS juga meneroka bidang ternakan lembu dan ayam supaya hasilnya kelak dapat disimpan di gudang tersebut.

Anak syarikat negeri itu juga menitikberatkan sumber fiber seperti sayur dan buah, sekali gus melengkapkan rantaian keperluan makanan berkhasiat untuk rakyat. Piramid makanan lengkap sepenuhnya.

Pada masa depan, gudang tersebut beroperasi di bangunan sendiri di Kuala Selangor di kawasan seluas 4.046 hektar dan dalam proses dokumentasi kira-kira tiga tahun lagi, tidak lagi menggunakan perkhidmatan syarikat luar.

"Ia mengambil masa satu tahun setengah untuk siap apabila proses pembinaan telah bermula," kata Amirudin.



Masalah lalat Ayer Kuning berpunca baja tahi ayam

TAPAH – Masalah lalat di sekitar Ayer Kuning di sini didakwa berpunca daripada penggunaan tinja ayam atau baja tahi ayam yang tidak dirawat terlebih dahulu dengan piawaian ditetapkan sebelum digunakan secara meluas di ladang-ladang kelapa sawit dan tanaman-tanaman lain.

Menurut Pengerusi Kesihatan, Sumber Manusia, Integrasi Nasional dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A. Sivanesan, tinja ayam itu digunakan secara meluas untuk pertanian kerana harganya yang murah berbanding baja organik yang telah diproses.

"Beg-beg mengandungi tinja itu akan dipotong sebelum ditinggalkan di pokok-pokok kelapa sawit. Apabila hujan, air masuk ke longkang-longkang menyebabkan wujudnya lalat.

ISU SETEMPAT

"Saya telah arahkan majlis (Majlis Daerah Tapah) dan Pejabat Kesihatan Daerah Batang Padang untuk memeriksa ladang-ladang tersebut sebelum mengambil tindakan susulan termasuk dikenakan kompaun," katanya.

Beliau berkata demikian pada pemberita semasa mengadakan lawatan di sebuah ladang khinzir fasiliti moden, mesra alam dan bebas pencemaran iaitu French

Malaysian Livestock Industrial Sdn. Bhd. di Ayer Kuning di sini semalam.

Katanya, penternakan ayam kecil-kecilan secara terbuka turut mengundang masalah lalat itu berlaku dan pihaknya sedang memikirkan mekanisme termasuk penggubalan undang-undang kecil sedia ada bagi membendung masalah itu secara serius.

Berhubung pembinaan hospital baharu di Kampar, Sivanesan berkata, isu itu perlu mengambil sedikit masa untuk diselesaikan kerana terdapat isu berkaitan pampasan dan pemilikan tanah yang masih belum muktamad.

"Saya fikir dulu (isu tanah) dan selesai tetapi belum. Saya dah bawa kepada pengetahuan menteri berkenaan di Putrajaya," ujarnya.



SIVANESAN (kiri) melawat sebuah ladang khinzir fasiliti moden, mesra alam dan bebas pencemaran di Ayer Kuning, Tapah semalam.

Tasik Bukit Merah masih kering

TAIPING - Pembenthan awam kelmarin berjaya menghasilkan hujan di beberapa kawasan termasuk Kuala Kangsar dan Tasik Bukit Merah di sini, namun masih belum cukup untuk melakukan aktiviti air di kawasan tumpuan seperti Tasik Merah Laketown Resort.

Tinjauan mendapati, penduduk lega apabila beberapa tempat yang sebelum ini kering kontang sudah mula berair.

Bagaimanapun, mereka berharap agar usaha pembenthan

awan dilakukan berterusan untuk beberapa hari kerana cuaca kembali panas.

Zuki Noh, 59, berkata, cuaca panas akan menyekat impak hujan kelmarin.

"Harap pembenthan awam boleh diteruskan lagi. Hari ini sudah panas terik semula," katanya.

Tasik Bukit Merah ketika ini surut sehingga menyebabkan rumput tumbuh di dasar tasik itu yang kering.

Sementara itu, Norli Mohd. Nor, 50, berkata, Tasik Bukit

Merah akan kembali stabil jika hujan dapat turun selama empat hingga lima hari berturut-turut.

"Semalam (kelmarin) hujan, hari ini (semalam) kembali panas terik. Mungkin perlu hujan berterusan untuk beberapa hari dalam seminggu ini," katanya.

Seorang nelayan, Mohd. Nafal Mohd. Adlan, 35, juga gembira dengan hujan lebat berkenaan dan yakin keadaan akan kembali stabil pada September ini akibat perubahan musim.



BEGINILAH keadaan Tasik Bukit Merah selepas menerima hujan hasil pembenthan awan di Taiping semalam.